

# Kembara Waqaf Merdeka 60 meriahkan bulan kemerdekaan

**PEKAN** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak ketinggalan untuk turut serta memeriahkan sambutan bulan kemerdekaan Ogos ini, sebagai satu manifestasi semangat sayangkan negara.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir berkata, sebanyak 15 buah motosikal berkuasa tinggi telah menyertai konvoi berkenaan yang bergerak mengibarkan Jalur Gemilang ke seluruh Semenanjung.

Katanya, penjelajahan tersebut juga bertujuan mempromosikan Wakaf UMP yang telah ditubuhkan 1 Oktober 2016.

"Perjalanan 60 jam bersempena 60 kemerdekaan negara itu akan bermula di UMP Pekan melalui Terengganu, Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

"Konvoi bertujuan menyampaikan mesej kemerdekaan serta mempromosikan UMP dan memperkenalkan Inisiatif MyGift serta Wakaf Kolej Kediaman Mawaddah dan Masjid UMP.

"Antara persinggahan termasuk SMK Astana Kuantan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussien Onn (UTHM)," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat UMP di sini.

Dalam pada itu, Daing berkata, pelbagai acara turut diatur sepanjang menyambut Bulan Kemerdekaan UMP dalam usaha menampilkan perspektif patriotisme sekali gus memaparkan peranan UMP sebagai gedung ilmu.

"Antaranya pameran sejarah kemerdekaan, pertandingan memancing, pertandingan fotografi dan forum kemerdekaan.

"Saya juga harapkan penuntut yang terdiri daripada generasi muda dapat menghayati erti dan nilai kemerdekaan dengan penuh keinsafan dan kesyukuran," katanya.